



PERANAN KEPIMPINAN NEGARA DALAM ERA PANDEMIK COVID -19 DI MALAYSIA

[THE ROLE OF NATIONAL LEADERSHIP DURING THE ERA OF COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA]

SITI KHATIJAH YASIN^{1*}, FADZLI ADAM¹, NIK ANIS SUHAILAH NIK MOHD¹,
SITI ROKIAH AB RAHMAN¹, NURHAZILAH MAMAT² & MOHD HAZLAMI JUSOH^{2*}

^{1*} Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia.

² Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu, Malaysia.

Correspondent Email: sitikhatijahy@yahoo.com

Received: 19 March 2020

Accepted: 15 April 2021

Published: 3 May 2021

Abstrak: Artikel ini akan membincangkan sejauh mana cabaran dan peranan kepimpinan negara dalam era pandemik covid-19 di Malaysia. Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi krisis pandemik covid-19 yang semakin menular di seluruh dunia bahkan ini merupakan isu besar yang perlu dihadapi oleh kepimpinan negara pada masa kini. Cabaran kepimpinan sangat besar dan pemimpin sentiasa bersedia serta proaktif mengharungi pandemik ini dalam memastikan aspek kemanusiaan kepada masyarakat diutamakan. Walaupun hakikatnya krisis ini tidak dapat dielak, namun pendekatan sesuai mesti diambil untuk mencegah berlaku konflik dalam kalangan kepimpinan negara. Kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu peranan kepimpinan dalam masyarakat, kepimpinan Rasulullah sebagai modal kepimpinan negara dan kredibiliti pemimpin dalam menangani masalah yang timbul. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini adalah analisis konseptual melalui analisis dokumen terhadap penulisan dan kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian ini. Hasil kajian menunjukkan karakter kepimpinan penting untuk membawa masyarakat ke arah yang lebih produktif serta mampu menangani krisis besar yang dihadapi negara dengan lebih efisien dan efektif. Agenda utama negara bagi menjamin kestabilan politik, sosial dan ekonomi. Kepimpinan yang mempunyai nilai kritikal yang tinggi mampu memberi momentum terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Kesepaduan dan kolaborasi antara kepimpinan dan masyarakat penting dalam memacu pembangunan negara setanding dengan negara maju yang lain.

Kata kunci: Peranan Kepimpinan, Kepimpinan Rasulullah, Pandemik, Kriteria pemimpin, Kredibiliti pemimpin.

Abstract: This article will be discussing on the extent of the national leadership role during the era of covid-19 pandemic that is still continuously spreading around the globe, besides, it is one of the serious issues that need to be managed by current national's leadership. The leadership challenges is consider huge and the leaders are always in the ready position and proactive in facing this pandemic, hence the aspect of humanity towards society able to be prioritized. Despite that this crisis is unavoidable, yet the appropriate approaches must be opted to prevent conflicts among national leadership. This research underlines three main objectives which are the role of leadership in society, the leadership of Rasulullah as the model of national leadership and the leadership credibility in dealing with the arises problem.

This research used conceptual analysis through document analysis of related literatures and previous researches. The findings show that the leadership character is important in bringing up the productive society cum able to face the serious crisis of the country efficiently and effectively. The main aim of the country is to ensure the stability of politic, social and economy. Integration and collaboration between leadership and society is important in driving the country's development on par with other developed countries.

Keywords: Role, Rasulullah leadership, Pandemic, Leadership criteria, Leadership credibility.

Cite This Article:

Siti Khatijah Yasin, Fadzli Adam, Nik Anis Suhailah Nik Mohd, Siti Rokiah Ab Rahman, Nurhazilah Mamat & Mohd Hazlami Jusoh. 2021. Peranan kepimpinan negara dalam era pandemik covid -19 di Malaysia [The role of national leadership during the era of covid-19 pandemic in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 20-30.

PENGENALAN

Kepimpinan negara sememangnya menggalas tanggungjawab besar bagi memastikan matlamat dan agenda kepimpinan dapat dilestarikan dalam masyarakat secara holistik dan berkesan. Namun pelbagai cabaran dan isu yang timbul dalam memastikan tanggungjawab ini dilaksanakan dengan jayanya kepada masyarakat umum. Kini, cabaran paling besar dihadapi oleh masyarakat adalah pandemik covid-19 yang kian mengganas dan meragut nyawa manusia setiap hari khususnya rakyat Malaysia. Pandemik merupakan wabak yang menyerang dalam skop yang lebih besar serta tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Penularan wabak ini sangat luas dan dapat mengancam negeri, negara, benua atau mungkin seluruh dunia jika dibiarkan melarat seperti mana ternyata berlaku sehingga kini. Krisis korona virus (covid-19) yang melanda seluruh negara ketika ini juga telah diklasifikasikan sebagai penularan wabak pandemik oleh WHO.

Isu pandemik covid-19 yang berlaku kini merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh kepimpinan negara. Pelbagai kaedah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan rantai jangkitan korona virus dapat diputuskan seperti mana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) . Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif *Agility Recovery* iaitu Bob Boyd yang menawarkan perkhidmatan konsultan dan solusi pemulihan syarikat perniagaan yang terjejas akibat krisis menjelaskan bahawa “*not having a strategy for how you're going to communicate during a disaster event is a fundamental weakness*” (Maurer, 2014). Pengurusan risiko merupakan elemen utama yang perlu diberi perhatian bagi organisasi yang terkesan sekiranya kerajaan melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam negara. Setiap pemimpin dalam sesebuah organisasi perlu mengetahui dan mengambil strategi pengurusan risiko agar dapat dilaksanakan dalam suatu budaya kerja yang baharu.

Kepimpinan negara di era covid-19 menunjukkan suatu detik masa yang mana masyarakat akan menilai sejauh mana kepimpinan seorang pemimpin dalam memastikan kelangsungan kehidupan dapat diteruskan dalam keadaan sumber kewangan mereka yang sangat terjejas. Komitmen pemimpin sangat diperlukan dalam usaha menjaga kebajikan masyarakat agar terus terbela sebagaimana usaha-usaha yang diambil kerajaan untuk mengurus

pandemik covid-19 antaranya pengurusan kesihatan awam yang baik, komitmen daripada pelbagai organisasi, melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan/Bersyarat (PKPD/PKPB), bantuan prihatin diberikan oleh kerajaan kepada rakyat yang terjejas, perlindungan secara sistematik kepada golongan berisiko tinggi seperti pekerja asing dan gelandangan, moratorium bank dan sebagainya (MyHEALTH, 2020). Seperti mana yang diketahui, pandemik covid-19 ini memberi impak di luar kawalan sama ada dalam aspek emosi, ekonomi, pendidikan, keselamatan, kesihatan, sosial dan sebagainya.

Berdasarkan kajian khas Jabatan Perangkaan Malaysia berhubung kesan covid-19 terhadap masyarakat Malaysia mendapati hanya 6.2 peratus rakyat kurang terkesan dari segi kewangan sepanjang tempoh PKP manakala 52.6 peratus sangat terkesan dalam tempoh ini. Bagi individu bekerja sendiri direkodkan seramai 46.6 peratus mengalami kehilangan pekerjaan. Ini menunjukkan 71.4 peratus yang bekerja sendiri hanya bertahan menggunakan simpanan yang tidak mampu bertahan sehingga sebulan. Namun begitu, peranan kepimpinan sangat perlu dalam mencari jalan penyelesaian dan memikirkan bagaimana kaedah terbaik bagi mengurangkan bebanan yang dipikul oleh rakyat dalam mendepani masalah ini.

Kesan Terhadap Penularan Covid-19							
Taraf Pekerjaan	Bekerja Dari Rumah	Cuti Separuh Gaji	Cuti Tanpa Gaji	Hilang Pekerjaan	Jumlah Jam Bekerja Berkurangan	Jumlah Jam Bekerja Bertambah	Tiada Impak
Bekerja Sendiri	25.1	0.9	9.2	46.6	13.8	0.6	3.8
Majikan	30.9	3.8	14.5	23.8	22.2	1.4	3.3
Pekerja Government	73.7	0.6	1.1	0.4	14.7	1.4	8.2
Link Companies (GLC)							
Pekerja Swasta	48.9	7.0	13.2	1.8	17.5	1.8	9.8
Pekerja Syarikat Multinasional (MNC)	80.8	0.9	2.0	0.4	7.2	2.1	6.6

Rajah 1: Kesan penularan covid-19 mengikut taraf pekerjaan (DOSM, 2020)

CABARAN DAN PERANAN KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT

Masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama memang menjadi cabaran kepada kebanyakan negara khususnya dalam mengurus kemajmukan sosial. Cabaran itu wujud terutama dalam aspek membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya sekali gus memerlukan pendekatan berhemah serta penuh rasa hormat.

Huraian dalam al-Quran turut menjelaskan mengenai kepentingan menjaga keharmonian dan perpaduan kaum antara semua bangsa serta merupakan satu keunikan yang Allah jadikan kepada manusia. Masyarakat majmuk bukan suatu yang asing bagi manusia malah ia adalah satu fitrah yang dijadikan oleh Allah SWT dan hakikat yang perlu diterima oleh semua manusia. Segala ajaran yang diaturkan oleh Allah kepada makhluknya sebagai pengajaran dan didikan supaya manusia saling kenal-mengenal antara mereka sekali gus wujud usaha-usaha untuk memuliakan insan.

Namun, mengekalkan perpaduan dalam masyarakat majmuk semestinya ditunjangi oleh seorang pemimpin yang mampu membawa keharmonian dalam sosial kehidupan mereka. Kepimpinan yang baik dan disenangi sentiasa menjadi impian dalam mana-mana institusi atau organisasi dalam masyarakat. Peranan pemimpin sangat besar dalam membentuk sebuah masyarakat iaitu bermula daripada pemimpin yang mencorak kepimpinan dan seterusnya membawa mereka yang dipimpin bergerak ke arah hala tuju yang telah ditentukannya. Islam telah mensyariatkan soal kepimpinan dan sentiasa memberi ingatan serta amaran akan amanah yang perlu dilaksanakan oleh seorang pemimpin apabila dilantik daripada kalangan mereka. Sejarah Islam sendiri membuktikan contoh kepimpinan yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW dan para sahabat yang sentiasa menjadi rujukan kita hingga kini (Ahmad Tarmizi, 2017). Kepimpinan Rasulullah merupakan contoh teladan terbaik dan ikutan sepanjang zaman sehingga kini.

Masyarakat Islam umumnya tertegak atas akidah dan melahirkan sistem kehidupan yang keseluruhannya berprinsipkan kepada agama Islam yang sempurna, iaitu berpandukan al-Quran, al-Hadith dan para ulama'. Sistem yang menyeluruh ini meliputi politik Islam, ekonomi, akhlak, pendidikan, kebudayaan, hiburan dan sebagainya. Namun begitu, kesemua sistem hidup ini perlu bermatlamatkan ke arah penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT, tuhan sekalian alam. Syeikh Yusuf al-Qardawi (2002) mengatakan bahawa Islam adalah bersifat sebagai agama *manhaj* (sistem) dan Islam telah menyiapkan *manhaj* yang sempurna untuk mengatur dan menyusun kehidupan. Tugas pemimpin adalah menyempurnakan perintah agama dalam setiap aspek pentadbirannya iaitu berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Dalam era pandemik covid-19 ini, bagaimana peranan institusi agama sebagai organisasi penting untuk mengurus tadbir hal ehwal agama sepanjang berlakunya penularan wabak ini dalam masyarakat. Perkara yang membabitkan soal agama seperti solat, tempat ibadat, program keagamaan, bantuan zakat dan sebagainya turut menjadi tanggungjawab dan cabaran bagi pemimpin dalam mengatasi hal-hal berbangkit dan bersama mencari penyelesaian terhadap masalah yang timbul dalam kalangan mereka.

Rahsia kejayaan pemimpin dan kesejahteraan negara menurut al-Quran telah banyak dijelaskan bagi menerangkan betapa pentingnya tugas seorang pemimpin dalam masyarakat. Menurut Shukeri Mohamad, Ahmad Najib & Mohamad Azrien (2012), rahsia kejayaan pertama adalah al-Quran sebagai pemimpin. Dalam suruh *al-Isra* ayat 71 membawa maksud setiap golongan akan dipanggil bersama dengan pemimpin pada hari kiamat. Pemimpin adalah orang yang diikuti ajarannya semasa di dunia seperti Nabi Muhammad. Maksud pemimpin itu ialah kitab al-Quran kerana ia juga memimpin manusia kepada kebenaran. Kedua ialah Allah, Rasul dan orang beriman adalah pemimpin dan penolong seperti mana dalam surah *al-Baqarah* ayat 257 yang sangat jelas bahawa Allah sendiri membimbing dan menunjukkan jalan yang benar dengan mengeluarkan orang beriman daripada kegelapan kufur dan kesesatan hidup kepada

sinar keimanan. Peranan pemimpin amat berat dalam memastikan tanggungjawab yang harus dipikul dengan sebaiknya agar sentiasa berada di landasan kebenaran walaupun pelbagai masalah yang perlu dihadapi oleh pemimpin seperti mana pandemik covid-19 yang melanda negara.

Selain itu, memiliki sifat atau ciri yang unggul dan terbaik bagi mencapai matlamat seperti mana yang dikehendaki Allah sangat penting bagi pemimpin. Seruan Allah bagi pemimpin dipegang oleh yang soleh dan bertakwa iaitu memiliki ciri-ciri keimanan dan ketakwaan yang tinggi sebagaimana dijelaskan dalam surah *al-A'raf* ayat 128 dan surah *al-Anbiya* ayat 105. Peranan pemimpin adalah menunaikan amanah serta menjalankan tugas dengan sempurna juga merupakan rahsia kejayaan bagi seorang pemimpin. Allah menegaskan kepada para pemimpin supaya menjalankan tugas dengan amanah, adil, menunaikan perintah Allah, amar makruf dan nahi mungkar. Kesemua sifat yang dijelaskan bahawa pemimpin sangat perlu memiliki sifat demikian agar kepimpinan yang lahir adalah berdasarkan tuntutan agama. Situasi covid-19 yang melanda Malaysia amat menuntut pemimpin dalam menyampaikan maklumat dengan berkesan serta memastikan tugas dilaksanakan dengan lancar dan baik. Sebagaimana peranan dan tugas pemimpin merangkumi peringatan dan arahan supaya masyarakat sentiasa dikemaskini dengan maklumat semasa sekali gus mematuhi arahan dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Menurut Hall dan Hord (2014) mencadangkan peranan pemimpin dijelaskan kepada enam bentuk tindakan iaitu menyelesaikan masalah, komunikasi berkesan, aplikasi teknologi terkini, fleksibiliti yang cukup, menggabungkan konsep lama dan baharu serta menjadi fasilitator perubahan. Mengaplikasikan peranan ini dalam konteks kepimpinan negara sudah pasti memberi implikasi yang terbaik dalam menangani isu-isu yang timbul seperti covid-19. Sebagaimana langkah pencegahan diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan wabak covid-19 dapat diputuskan seperti mana pengumuman pelaksanaan PKP oleh Perdana Menteri. Penularan pandemik ini sangat memberi impak yang tinggi kepada keselamatan, ekonomi dan sosial kehidupan masyarakat khususnya Malaysia.

KEPIMPINAN RASULULLAH SEBAGAI MODAL KEPADA KEPIMPINAN NEGARA

Kepimpinan yang ditonjolkan oleh Rasulullah merupakan model pemerintahan kurun terbaik dalam sejarah Islam sehingga digelar '*qudwah hasanah*' dalam kehidupan umat Islam pada ketika itu. Rasulullah merupakan model ikutan bagi umat Islam yang sentiasa mengamalkan pemerintahan yang adil dan penuh berintegriti dalam pelaksanaan undang-undang serta menjamin keharmonian dan perpaduan antara agama. Rasul merupakan ikutan bagi seluruh umat manusia dan memandu manusia ke jalan kebenaran. Kajian ini mendapati kewibawaan yang ditunjukkan oleh Rasulullah diperakui akan kebenarannya dan jelas ditunjukkan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik (surah Al-Ahzab, 33: 21).

Melihat bagaimana tugas dan tanggungjawab Rasulullah selain sebagai seorang Rasul yang menyebarkan Islam kepada umatnya dengan membawa risalah Allah SWT, baginda juga pemimpin negara yang berkuasa dalam memerintah dengan menerapkan hukum-hukum Allah SWT yang telah diturunkan oleh Allah kepada baginda. Kepimpinan yang dibawa oleh

Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang baik kepada masyarakat tidak kira dari sudut kepimpinan keluarga, politik, masyarakat mahupun pentadbiran negara. Allah SWT telah berfirman: “Maka putuslah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadanya...” (surah Al-Ma'idah, 5 :48).

Rasulullah SAW merupakan ketua negara Islam yang pertama di dunia dan pemerintahannya tertakluk kepada syariat Islam sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Dalam al-Quran iaitu menegakkan hukum Allah, menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran, keadilan untuk semua, kebebasan dan ketelusan, membina perpaduan dan menjamin keamanan dan keharmonian. Kegemilangan pemerintahan yang ditunjukkan kepada umatnya menjadi teladan dan pengajaran yang amat penting untuk diadaptasikan dalam pemerintahan pada zaman ini. Teladan yang ditunjukkan oleh baginda merupakan modal pemimpin Islam yang wajib dicontohi dalam kalangan pemimpin Islam mahupun bukan Islam di seluruh dunia. Jika dilihat dalam konteks kepimpinan negara, Islam merupakan agama rasmi negara yang sememangnya setiap pelaksanaan dan dasar mestilah ditunjangi mengikut perlembagaan yang telah ditetapkan. Sememangnya Islam sangat menitikberatkan soal kepimpinan yang mendasari al-Quran dan as-Sunnah sebagai ikutan bagi seorang pemimpin dalam masyarakat.

Bersifat adil merupakan ciri terpenting dalam diri seorang pemimpin termasuklah pemimpin keluarga, organisasi, kumpulan dan sebagainya. Kriteria-kriteria bagi kepimpinan Rasulullah sesuai diadaptasikan dalam kepimpinan pada masa kini yang perlu dicontohi sebagaimana pandangan Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi & Bahiyah (2018), terdapat beberapa kriteria antaranya Pertama: Berilmu Pengetahuan. Kandungan al-Quran sendiri menekankan akan kepentingan ilmu dalam diri seorang pemimpin. Kedua: teras akidah yang kukuh, iaitu asas akidah perlu ada dalam diri seorang pemimpin kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh pemimpin mestilah bersandarkan garis panduan Islam. Ketiga: Amanah iaitu melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan tidak melibatkan diri dalam perbuatan yang tidak baik. Keempat: Jujur dalam tindakan dan perkataan, Kelima: Bijak, menangani masalah dengan bijak dan berhemah. Keenam: Keadilan, bersifat adil sama ada orang atasan mahupun bawahan. Ketujuh: Bersifat Rahim, Kelapan: Menyampaikan perkara baik dan melarang perkara buruk, Kesembilan: seorang Lelaki, iaitu pemimpin lelaki mempunyai kelebihan berbanding pemimpin wanita.

Konsep kepimpinan dalam Islam bersifat holistik bertunjangkan keadilan yang tidak terbatas tentang soal pemerintahan, kehakiman dan hukum-hukum semata-mata tetapi Islam mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia tanpa pengecualian (Muhd Norizam et.al, 2017). Pemimpin diberi kedudukan yang istimewa kerana dianggap sebagai khalifah yang dimulakan oleh Nabi Muhammad SAW. Keadilan merupakan teras utama bagi seseorang yang melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin. Pada zaman khilafiah Islamiah, pendekatan peradaban Islam memberi inspirasi kepada semua untuk membangunkan sistem kepimpinan dan politik yang ada pada masa kini (Mohd Yusof, 2017). Namun demikian, masyarakat umum perlu mematuhi dan menghormati segala bentuk pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak berwajib selagi tidak mengetepikan perlembagaan dan undang-undang negara demi kebaikan bersama terutama dalam menangani pandemik covid-19.

Pemimpin mahupun khalifah yang bukan sahaja melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah, namun berlaku adil dalam segenap aspek mesti diutamakan dalam menyelesaikan segala permasalahan dan menjatuhkan hukuman. Pemimpin atau khalifah yang dilantik untuk memberi kemakmuran pada seluruh alam adalah harus meletakkan diri sebagai hamba yang patuh dengan perintah Allah, Nor Asma & Muhd Norizam (2016). Kemuliaan dan penghormatan seorang pemimpin bukan hanya dipandang dalam konteks ketinggian ilmu semata-mata, namun kemurnian akhlak yang baik menjadi pilihan bagi sesebuah negara yang makmur. Pemilihan pemimpin yang mempunyai ketinggian ilmu dan akhlak sangat penting demi menjaga kesejahteraan masyarakat dan memimpin ke arah yang lebih baik. Setiap masalah yang ditimbulkan dalam masyarakat, pemimpin boleh menyelesaikan dengan berkhemah dan tidak mengetepikan pandangan mereka terutama keluhan dan terkesan dengan covid-19 yang melanda negara.

KREDIBILITI PEMIMPIN DALAM MENANGANI PANDEMIK COVID-19

Kredibiliti adalah elemen penting khususnya dalam organisasi kepimpinan. Pemimpin yang tidak mampu mempengaruhi pengikut serta tidak berupaya untuk memimpin sudah pasti tidak mempunyai nilai kredibiliti dalam kepimpinan mereka (Abd Aziz, Noor Aisyah, Che Hasniza & Aziz (2016). Pada dasarnya politik merupakan satu pertandingan dan pemimpin yang berkredibiliti menjadi rebutan bagi pengundi untuk memilihnya. Selain itu pemimpin berkredibiliti tinggi merupakan sumber maklumat penting dalam membuat keputusan (Pornpitakpan, 2004). Lantaran itu, kredibiliti sangat perlu untuk dimiliki oleh seorang pemimpin agar kepimpinan akan terus diberi kepercayaan dan mampu menangani konflik yang timbul dalam masyarakat.

Pemimpin menggalas tanggungjawab yang sangat besar dalam memastikan matlamat dan agenda negara dapat dilestarikan. Namun kini, cabaran besar perlu ditempuhi oleh pemimpin dalam mendepani pelbagai isu yang timbul antaranya isu pandemik covid 19 yang melanda seluruh negara. Bagaimana kredibiliti yang ada pada pemimpin negara mampu menghadapi masalah ini dengan baik dan kepintaran yang ada dalam diri pemimpin dalam mendepani isu ini. Menurut Drucker (2017) pemimpin harus mempersiapkan diri dalam menghadapi pelbagai isu yang timbul dengan keadaan dunia yang sentiasa berubah-ubah dan mampu mengadaptasikan dalam apa jua keadaan.

Kredibiliti yang ada pada pemimpin akan menampakkan kedewasaan dan mentaliti yang lebih tinggi dalam menghadapi cabaran globalisasi yang semakin menghimpit. Nilai kompetensi merupakan ciri-ciri yang diperlukan bagi melakukan sesuatu iaitu kemahiran, pengetahuan, sikap, kepercayaan, motif dan ciri-ciri yang menghasilkan kerja yang cemerlang (Hollenback et al., 2006; Bass & Bass 2008; Rothwell 2010). Melaksanakan gerak kerja yang efektif, pemimpin harus mempunyai keperibadian dan kemahiran yang berkualiti di samping mempunyai pengetahuan dalam bidangnya. Menurut Eddy (2013) pemimpin yang kompeten sahaja mampu mencapai hasil yang memuaskan dalam kepimpinannya.

Kepimpinan merupakan kebolehan mempengaruhi pengundi dan melibatkan penggunaan kuasa oleh pemimpin serta tahap penerimaan pengikut. Kebolehan mempengaruhi pengikut berhubung kait dengan memenuhi keinginan kepuasan pengikut (Daft, 2004). Pada masa kini pemimpin tidak boleh lagi dilabelkan sebagai seorang pemimpin yang baik atau tidak

baik, tetapi kita hanya boleh mengatakan bahawa seorang pemimpin itu berkesan atau tidak dalam satu situasi yang tertentu, tetapi tidak berkesan dalam situasi yang lain. Keberkesanan dalam kepimpinan juga dicadangkan boleh dipertingkatkan dengan cara sama ada dengan memodifikasikan faktor situasi supaya menjadi lebih selesa atau mengubah gaya kepimpinan pemimpin (Norazizah Che Mat, 2018). Hal yang sedemikian menunjukkan bahawa kredibiliti seorang pemimpin memainkan peranan besar dalam mempengaruhi masyarakat di sekelilingnya.

Kajian ini juga melihat, tanggungjawab dan amanah merupakan sifat yang perlu diterapkan dalam diri seorang pemimpin terutama pemimpin politik dan elemen ini sebagai kredibiliti yang perlu ada dalam mereka. Menurut Jeniri Amir (2010), pemimpin harus bersikap bertanggungjawab dalam menjalankan amanah yang terletak di bahu mereka. Masyarakat Melayu akan terus terpinggir jika pemimpin hanya mementingkan diri sendiri. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan ini jelas menunjukkan bahawa sikap mementingkan diri yang ditunjukkan oleh pemimpin akan menyebabkan masyarakat yang dipimpinnya tidak akan maju dalam meletakkan negara di puncak kegemilangan dengan keamanan yang dipegang.

Namun, pemimpin politik perlu mempunyai tanggungjawab dalam menjalankan tugas mentadbir negara. Tanggungjawab yang dimaksudkan ialah aqidah (agama), tanggungjawab bimbingan, tanggungjawab persefahaman, tanggungjawab keterampilan dan tanggungjawab pengurusan (Hailan, 2017). Apa yang dikatakan tanggungjawab akidah ialah taat kepada perintah Allah SWT. Mentaati perintah Allah SWT adalah tanggungjawab akidah yang perlu dilaksanakan oleh manusia di dunia ini. Hal ini kerana akidah Islam ialah akidah berdasarkan kepada tauhid dengan mengesakan Allah SWT sebagai pencipta alam ini. Mentauhidkan Allah SWT juga merupakan asas yang utama dalam akidah (Siti Sa'adiah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar, 2009).

Kajian ini juga melihat etika merupakan keperluan dan kredibiliti yang amat penting untuk semua aspek dalam aktiviti seharian manusia (Muhammad Faizal et.al, 2015) dan elemen ini adalah gambaran kepada sahsiah dan akhlak yang baik bagi seseorang individu. Dalam meniti arus kemodenan ini, ramai pemimpin menjadi *role model* kepada masyarakat akan tetapi tingkah laku yang dipamerkan kurang baik. Menurut Nair (2004), kebanyakan pemimpin politik dan perniagaan kurang bertingkah laku dan berfikiran baik. Bagi Gaudiani (2010) melihat pada masa ini, masyarakat kurang memiliki pemimpin yang bermoral tinggi tetapi mereka popular di arus media massa.

Namun demikian, harapan masyarakat untuk melestarikan pembangunan negara sangat memerlukan kepada kepimpinan bermoral, namun sikap pemimpin terus berusaha ke arah yang lebih holistik walaupun cara yang kurang beretika (King, 2011). Bagi beliau, bagaimana masyarakat dapat melihat pemimpin sesebuah perniagaan gemar mencari keuntungan melalui jalan pintas serta kurang mendampingi masyarakat. Dalam pada itu, bagi pandangan Bennis (2014) menjelaskan bahawa pemimpin yang memiliki moral dan etika yang tinggi sering berhadapan dengan risiko, pemimpin yang paling dihormati dan dibunuh seperti FDR, Churchill, Eisenhower, Schweitzer, Einstein, Gandhi, Kennedys dan Martin Luther King. Keadaan ini sememangnya memberi justifikasi yang negatif kepada kehidupan masyarakat, namun di Malaysia masih tidak berlaku walaupun kedudukan negara yang memiliki kaum yang multi-etnik. Kajian ini melihat, keadaan sedemikian amat membimbangkan jika menular ke dalam negara yang kini masih mengekalkan keharmonian dan keamanan sesama bangsa.

Kajian ini mengenal pasti terdapat lima kompetensi utama seharusnya dimiliki oleh seorang pemimpin yang berkualiti dan menurut Roselena Mansor & Mohd Izham (2015), pertama: pemimpin yang mempunyai pengetahuan yang luas, kedua: pemimpin yang mempunyai kemahiran, ketiga: pemimpin mempunyai keperibadian positif, keempat: pemimpin yang menyumbang kepada organisasi dan kelima: pemimpin yang sanggup memimpin organisasi. Namun demikian, ciri-ciri yang dijelaskan di atas penting dalam memanifestasikan kepimpinan kepada masyarakat. Pemimpin perlu optimis dalam melastarikan kepimpinan ke arah keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

KESIMPULAN

Malaysia sebuah negara yang multi-etnik dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Keharmonian ini perlu dijaga dan disemai agar tiada berlaku permusuhan antara kaum. Keamanan yang dibajai selama ini harus dikekalkan dan dipelihara walaupun Islam merupakan agama bagi persekutuan namun agama lain bebas mengamalkannya. Islam menyediakan garis panduan yang lengkap dalam menghidupkan fungsi kepimpinan dan negara dengan baik. Al-Quran menjelaskan betapa pentingnya pemimpin yang mempunyai nilai moral yang baik serta ditunjukkan secara praktikal oleh Rasulullah SAW melalui amalan secara langsung. Implikasi yang diperolehi ini membawa kesan kejayaan dan kesejahteraan yang sangat hebat iaitu mengangkat kedudukan umat Islam sebagai umat terunggul. Peranan pemimpin untuk melestarikan segala bentuk pembangunan bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai kepelbagaian kaum ini sentiasa terpelihara dan dijaga secara holistik.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Abd Aziz, Noor Aisyah and Che Noh, Che Hasniza and Amin, Aziz. 2016. Persepsi Terhadap Kredibiliti Pemimpin dan Penentuan Dimensi Paling Dominan. *Journal Of Business and Social Development*, 4 (2): 14-24.
- Ahmad Tarmizi Zakaria. (2017). Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Quran, *National PreUniversity Seminar 2017*, 23 Ogos 2017.
- Bass, B. M. & Bass, R. 2008. *The Bass Handbook of Leadership: Theory, Research and Managerial Applications*. Edisi ke-4. New York: Free Press.
- Daft, R.L. 2004. *The Leadership experiences*. Orlando Harcourt College Publishers.
- Denison Jayasuria. 2010. National unity advisory panel: Opportunities and challenge in a multi ethnic society. *European Scientific Journal*, 288 (4), 168-193.
- Drucker, P. 2017. *Human Prosperity in a Changing World*. Peter Drucker challenge 2017. The future economic man. PDC 2017.
- Eddy, P.L. 2013. Developing leaders: The role of competencies in rural community colleges. *Community College Review* 41(1), 20-43.
- Edisi khas covid-19 Jun 2020. MyHEALTH forlife, https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/Umum/eMagazine_Jun_1.2020_.pdf diakses pada 23 Oktober 2020.

- Gaudiani, C.L. 2010. Catalyzing community: The college as a model of civil society. *Educational Record*, 78 (3-4), 81-86.
- Hailan Salamun, Hamdan Aziz, Fadzli Adam, Mustakimah Husein, Nik Anis Suhailah & Rofishah Rashid. 2017. Kepemimpinan Politik Melayu Membangunkan Masyarakat Bertamadun. *Proceeding on International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 7-8 Oktober, hlm,17-28.
- Hall, G. E. & Hord, S. M. 2014. Implementing Change: Patterns, Principles and Potholes. Edisi ke-4. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.
- Hollenbeck, G.P., McCall, W.M. Jr. & Silzer, R.F. 2006. Leadership competency models. *The Leadership Quarterly*, 17(4): 398-413.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2006-2011. *Jumlah Penganut Agama*. Diakses pada (2015, Februari 12) daripada <http://www.statistics.gov.my/>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2013-2014. *Diakses pada (2020, April 2) daripada* <http://www.statistics.gov.my/>.
- Jeneri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi: Beragama dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.
- King, P. M. 2011. Character and civic education: What does it take? *Educational Record*, 78 (34): 87-93.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi.
- Maurer, R. 2014. *Communicate Effectively in a Crisis*. California: Society for Human Resource Management.
- Mohd Yusof Othman. 2017. Peradaban Islam Teras Transformasi Nasional. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 11-19.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Abd Khalil Adnan, Suriah Jemaat, Maszuria A. Ghani & Amalina Ayub, Mohammad Seman. 2015. Kepimpinan Moral Pengetua Sekolah Berasrama Penuh dan Maktab Rendah Sains Mara: Satu Perbandingan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1-17.
- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy, Muammar Ghaddafi & Yusmilayati. 2017. Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi ke Kontemporari, *Jurnal Melayu*, 16(1), 63-81.
- Nair, K. 2004. *A higher standard of leadership: Lessons from the life of Gandhi*. San Francisco: Berrett-Koehler
- Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak Pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab, *Jurnal Melayu*, 15(1): 50-66.
- Norazizah Che Mat. 2018. Reka Bentuk Model Kepimpinan Berkesan Institusi Pendidikan Tinggi Majlis Amanah Rakyat. Tesis PhD. Universiti Malaya, Malaysia.
- Pornpitakpan, C. 2004. The Persuasiveness of Source Credibility: A Critical Review of Five Decades' Evidence. *Journal of Applied Social Psychology*, 2 (34), 243-81.
- Rahmani Timorita Yulianti & Ratnawati Yuni Suryandari. 2014. Suatu Ulasan Kritis tentang Peranan Kepimpinan dalam Membangun Profesionalisme Institusi Zakat. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (2), 144-153.

Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020.

Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2015. Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang diperlukan untuk memimpin dengan berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45, 143-154.

Rothwell, W.J. 2010. *Effective Succession Planning: Ensuring Leadership Continuity and Building Talent from Within*. Edisi ke 4. New York: American Management Association.

Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi & Bahiyah. 2018. Takrif Kepimpinan, Ciri-ciri Pemimpin dan Motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemimpin wanita akar umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19, 28-42.

Shukeri Mohamad, Ahmad Najib & Mohamad Azrien. Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran. 2012. Proceeding: The 2nd Annual International Qur'anic Conference, ISBN 978-967-5534-20-1(2012).

Siti Sa'adiah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar. 2009. Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam. *Jurnal Islam dan 73 Masyarakat Kontemporari*, 2, 81-99.

al-Qaradawi, Syeikh Yusuf. 2002. *Fiqh Kenegaraan, Angkatan Belia Islam Malaysia*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia